

BNM/RH/GL 022-3	Jabatan Pengawasan Perniagaan Perkhidmatan Wang	Garis Panduan bagi Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman untuk Perniagaan Perkhidmatan Wang
--------------------	--	---

**BAHAGIAN A: PENGENALAN.....2**

1. OBJEKTIF .....2
2. KEBOLEHGUNAAN (APPLICABILITY) ..... 2
3. PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG..... 2
4. TARIKH BERKUATKUASA ..... 3
5. HUBUNGAN DENGAN POLISI-POLISI SEDIA ADA..... 3
6. DEFINISI DAN TAFSIRAN ..... 3

**BAHAGIAN B. PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN..... 4**

7. KEPERLUAN-KEPERLUAN PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN  
DALAMAN.....4

**LAMPIRAN ..... 16**

- Lampiran I Pelantikan Juruaudit .....16

BNM/RH/GL 022-3	Jabatan Pengawasan Perniagaan Perkhidmatan Wang	Garis Panduan bagi Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman untuk Perniagaan Perkhidmatan Wang	Mukasurat 2/16
--------------------	---	---	-------------------

## **BAHAGIAN A: PENGENALAN**

### **1. OBJEKTIF**

- 1.1 Seksyen 36 Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 (Akta) menghendaki semua pemegang lesen untuk mewujudkan dan menyenggara mekanisma kawalan dalaman yang mantap, termasuk perkiraan pengurusan risiko bagi memastikan integriti dan keutuhan perniagaan perkhidmatan wang. Peraturan-Peraturan Perniagaan Perkhidmatan Wang (Kewajipan Pemegang Lesen) 2012 telah menetapkan keperluan-keperluan utama yang perlu dipatuhi oleh pemegang lesen bagi memastikan sistem kawalan dalaman yang berkesan dan mantap untuk memperkukuhkan keselamatan dan integriti aktiviti-aktiviti perniagaan perkhidmatan wang. Keperluan-keperluan tersebut juga bertujuan untuk memperkukuhkan perlindungan pelanggan dan melindungi industri perniagaan perkhidmatan wang daripada digunakan sebagai saluran untuk aktiviti haram, pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan.
- 1.2 Objektif Garis Panduan ini adalah untuk memudahkan pemegang-pemegang lesen mematuhi keperluan-keperluan yang dinyatakan di atas, dengan menggariskan standard minimum yang perlu dipatuhi oleh pemegang-pemegang lesen dalam melaksanakan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang sesuai dalam menjalankan perniagaan perkhidmatan wang.

### **2. KEBOLEHGUNAAN (APPLICABILITY)**

- 2.1 Garis Panduan ini adalah terpakai untuk semua pemegang lesen yang menjalankan aktiviti perniagaan perkhidmatan wang di bawah Akta.

### **3. PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG**

- 3.1 Garis Panduan ini dikeluarkan di bawah seksyen 74 Akta.

BNM/RH/GL 022-3	Jabatan Pengawalan Perniagaan Perkhidmatan Wang	Garis Panduan bagi Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman untuk Perniagaan Perkhidmatan Wang	Mukasurat 3/16
--------------------	---	---	-------------------

#### 4. TARIKH BERKUATKUASA

4.1 Garis Panduan ini mula berkuatkuasa pada **6 Disember 2012**.

#### 5. HUBUNGAN DENGAN POLISI-POLISI SEDIA ADA

5.1 Garis Panduan ini dikeluarkan untuk melengkapkan Akta dan Peraturan-Peraturan yang telah dikeluarkan oleh pihak Bank seperti berikut:

- (a) Peraturan-Peraturan Perniagaan Perkhidmatan Wang 2012:
  - (i) Kewajipan Pemegang Lesen; dan
  - (ii) Perniagaan Pengiriman Wang.

dan hendaklah diguna pakai bersama-sama dengan:

- (b) Garis Panduan Keperluan Tadbir Urus dan Operasi bagi Menjalankan Aktiviti Perniagaan Perkhidmatan Wang;
- (c) Garis Panduan Piawaian mengenai Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (Garis Panduan Piawaian AML/CFT); dan
- (d) Garis Panduan Sektor 3 Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan untuk Pengurup Wang Berlesen dan/atau Pengendali Perkhidmatan Kiriman Wang bukan Bank (Garis Panduan Sektor 3 AML/CFT).

#### 6. DEFINISI DAN TAFSIRAN

6.1 “**Bank**” bermaksud Bank Negara Malaysia.

BNM/RH/GL 022-3	Jabatan Pengawalan Perniagaan Perkhidmatan Wang	Garis Panduan bagi Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman untuk Perniagaan Perkhidmatan Wang	Mukasurat 4/16
--------------------	---	---	-------------------

## **BAHAGIAN B. PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN**

### **7. KEPERLUAN-KEPERLUAN PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN**

- 7.1 Pemegang lesen adalah dikehendaki untuk mengurus dan mengawal semua risiko utama yang berkaitan dengan pelaksanaan perniagaan perkhidmatan wang, dengan mengambil kira saiz, skop dan kompleksiti aktiviti perniagaan.
- 7.2 Pemegang lesen hendaklah mewujudkan suatu proses, sistem dan kawalan yang wajar dan diluluskan oleh pihak Lembaga Pengarah untuk mengurus risiko-risiko dalam menjalankan perniagaan. Proses, sistem dan kawalan tersebut mestilah didokumentasikan dan perlu dikaji semula oleh pihak pengurusan serta Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa bagi memastikan ianya kekal berkesan.
- 7.3 Perenggan 7.4 menggariskan langkah-langkah pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang perlu dipatuhi oleh pemegang lesen bagi menangani risiko-risiko spesifik yang berkaitan dengan pelaksanaan aktiviti perniagaan perkhidmatan wang seperti berikut:
- Transaksi perniagaan perkhidmatan wang dilakukan untuk tujuan pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan aktiviti haram lain;
  - Kegagalan pemegang lesen dalam mematuhi keperluan undang-undang dan pengawalseliaan yang terpakai terhadap mereka;
  - Salah laku pengurusan dan penipuan yang menyebabkan kerugian wang yang dipegang bagi pihak pelanggan; dan
  - Kehilangan maklumat penting atau rekod perniagaan yang telah diubah akibat daripada pindaan atau manipulasi yang dibuat tanpa kebenaran.
- 7.4 Pemegang lesen adalah dikehendaki untuk mewujudkan suatu proses, sistem dan kawalan yang wajar, termasuk sekurang-kurangnya perkara berikut:

BNM/RH/GL 022-3	Jabatan Pengawalan Perniagaan Perkhidmatan Wang	Garis Panduan bagi Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman untuk Perniagaan Perkhidmatan Wang	Mukasurat 5/16
--------------------	---	---	-------------------

**7.4.1 Mewujudkan dasar dan prosedur dalaman bertulis mengenai pelaksanaan aktiviti perniagaan perkhidmatan wang, termasuklah:**

- (a) Prosedur operasi standard (*standard operating procedures* atau *SOP*) bagi operasi perniagaan perkhidmatan wang untuk memastikan supaya kakitangan mematuhi dasar dalaman dan keperluan pengawalseliaan serta amalan yang professional dalam menjalankan urusan dengan pelanggan. Prosedur operasi standard berkenaan hendaklah juga merangkumi proses dan prosedur untuk mengesan dan melaporkan kelemahan operasi yang utama kepada pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah.
- (b) Dasar-dasar berkenaan pengawasan pejabat cawangan, yang termasuk, tetapi tidak terhad kepada perkara-perkara berikut:
  - (i) Mekanisma untuk memantau dan melaporkan prestasi perniagaan serta tahap pematuhan pejabat cawangan kepada pejabat utama;
  - (ii) Prosedur-prosedur untuk menyelaraskan dan mengagregatkan transaksi perniagaan di semua pejabat cawangan bagi memastikan semua transaksi perniagaan yang dijalankan oleh pemegang lesen direkod dengan betul; dan
  - (iii) Prosedur-prosedur untuk mengagregatkan transaksi perniagaan yang dilakukan oleh seseorang pelanggan di semua premis perniagaan pemegang lesen bagi memastikan, antara lain (i) pematuhan terhadap keperluan AML/CFT berkenaan keperluan usaha wajar pelanggan (*customer due diligence*) dan laporan transaksi yang mencurigakan; dan (ii) mematuhi had harian transaksi pengiriman wang keluar untuk setiap pelanggan.
- (c) Dasar-dasar bagi memastikan pengurusan tunai yang berhemah di pejabat perniagaan (pejabat utama dan cawangan), termasuk:
  - (i) Menetapkan had pegangan tunai (termasuk mata wang asing) di setiap pejabat perniagaan pemegang lesen, bergantung kepada saiz dan skop perniagaan;

BNM/RH/GL 022-3	Jabatan Pengawalan Perniagaan Perkhidmatan Wang	Garis Panduan bagi Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman untuk Perniagaan Perkhidmatan Wang	Mukasurat 6/16
--------------------	---	---	-------------------

- (ii) Memastikan hanya kakitangan pemegang lesen sahaja dibenarkan untuk melakukan transaksi dan mengendalikan tunai (termasuk juruwang) bagi pihak pemegang lesen; dan
  - (iii) Mewujudkan prosedur bagi mengesan dan merekod stok dan pergerakan tunai.
- (d) Dasar-dasar bagi memastikan bahawa tahap bidang kuasa yang diberikan kepada kakitangan untuk menjalankan transaksi perniagaan adalah selaras dengan profil risiko transaksi berkenaan. Bagi tujuan ini, kebenaran daripada kakitangan dengan tahap kuasa yang lebih tinggi adalah diperlukan untuk:
- (i) Transaksi dalam jumlah yang besar; dan
  - (ii) Transaksi yang tidak bersemukaan (*non face-to-face transaction*) yang dilakukan melalui akaun bank atau dalam bentuk arahan yang diterima melalui emel, faks atau telefon.
- (e) Dasar-dasar berkaitan pematuhan terhadap pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan (AML/CFT) termasuk sekurang-kurangnya perkara-perkara berikut:
- (i) Pelaksanaan proses usaha wajar pelanggan (*customer due diligence*) untuk setiap transaksi perniagaan dengan pelanggan;
  - (ii) Penyimpanan rekod;
  - (iii) Pemantauan pelanggan dan transaksi perniagaan secara berterusan;
  - (iv) Penghantaran laporan transaksi yang mencurigakan (*Suspicious Transaction Reports*);
  - (v) Latihan kakitangan berkaitan langkah-langkah AML/CFT; dan
  - (vi) Pelantikan pegawai pematuhan berwibawa yang bertanggungjawab terhadap perkara berkaitan dengan pematuhan AML/CFT.

BNM/RH/GL 022-3	Jabatan Pengawalan Perniagaan Perkhidmatan Wang	Garis Panduan bagi Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman untuk Perniagaan Perkhidmatan Wang	Mukasurat 7/16
--------------------	---	---	-------------------

#### **7.4.2 Mengamalkan amalan perakaunan yang baik**

Pemegang lesen perlu memastikan amalan perakaunan yang baik dalam menjalankan aktiviti perniagaan perkhidmatan wang, di mana semua transaksi perniagaan (tunai atau bukan tunai) perlu direkodkan, dan boleh diselaraskan dengan dokumen-dokumen asal yang relevan contohnya resit, invois, arahan pembelian (*purchase orders*) dan penyata bank dan kewangan. Dengan ini, pemegang lesen hendaklah:

- (a) Sentiasa menyenggara dan mengemaskini akaun kewangan bagi memastikan ianya adalah tepat dan mencerminkan kedudukan kewangan pemegang lesen terkini;
- (b) Memastikan juruaudit luar yang dilantik oleh pemegang lesen memenuhi keperluan seperti yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Perniagaan Perkhidmatan Wang (Kewajipan Pemegang Lesen) 2012. Pemegang lesen hendaklah juga memaklumkan kepada pihak Bank berkenaan pelantikan juruaudit luar dengan menggunakan format seperti di Lampiran I; dan
- (c) Bagi pemegang lesen yang menggunakan khidmat luar untuk menjalankan fungsi perakaunan, pihak Lembaga Pengarah dan pengurusan masih bertanggungjawab untuk memastikan akaun yang disediakan mencerminkan kedudukan kewangan dan prestasi pemegang lesen, dan mematuhi keperluan pengawalseliaan lain yang berkaitan. Dengan ini, pihak Lembaga Pengarah dan pengurusan pemegang lesen mesti berupaya untuk menerangkan transaksi-transaksi kewangan yang besar, memahami asas akaun kewangan yang telah disediakan melalui khidmat luar tersebut dan memastikan dokumen-dokumen asal yang digunakan bagi menyediakan akaun tersebut adalah lengkap dan tepat.

BNM/RH/GL 022-3	Jabatan Pengawasan Perniagaan Perkhidmatan Wang	Garis Panduan bagi Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman untuk Perniagaan Perkhidmatan Wang	Mukasurat 8/16
--------------------	---	---	-------------------

### 7.4.3 Penyenggaraan rekod

Seperti yang dinyatakan di bawah seksyen 28 Akta, pemegang lesen dikehendaki menyimpan dan menyenggara semua akaun, salinan resit dan rekod-rekod lain, termasuk maklumat dan dokumen-dokumen bagi setiap transaksi perniagaan perkhidmatan wang yang dapat membantu jejak audit. Bagi tujuan ini:

- (a) Pemegang lesen hendaklah menyimpan semua rekod sekurang-kurangnya bagi tempoh 7 tahun selepas suatu transaksi dijalankan; dan
- (b) Semua rekod mesti disimpan dalam suatu bentuk yang membolehkan pembentukan semula jejak audit bagi setiap transaksi yang mana boleh dikesan oleh pihak juruaudit, Bank dan agensi penguatkuasaan undang-undang lain yang berkaitan. Rekod-rekod boleh disimpan:

- dalam bentuk dokumen asal;
- dalam bentuk salinan dokumen asal;
- dalam bentuk imbasan (*scan*);
- dalam komputer atau bentuk elektronik; dan
- dalam bentuk mikrofis.

### 7.4.4 Penyenggaraan sistem pengurusan maklumat yang mantap

Seperti yang dinyatakan di dalam Peraturan-Peraturan Perniagaan Perkhidmatan Wang (Kewajipan Pemegang Lesen) 2012, pemegang lesen dikehendaki untuk mewujudkan sistem maklumat yang mantap dan selamat bagi menyokong operasi perniagaan pemegang lesen dan berupaya melaksanakan fungsi-fungsi yang merangkumi, tetapi tidak terhad kepada perkara-perkara berikut:

- (a) Bagi pemegang lesen yang mempunyai pejabat cawangan dan ejen, sistem yang digunakan mesti berupaya untuk merekod transaksi perniagaan berasaskan waktu sebenar (*real time*), dan memudahkan pengagregatan transaksi perniagaan dengan setiap pelanggan di semua pejabat cawangan dan ejen bagi



BNM/RH/GL 022-3	Jabatan Pengawasan Perniagaan Perkhidmatan Wang	Garis Panduan bagi Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman untuk Perniagaan Perkhidmatan Wang	Mukasurat 9/16
--------------------	---	---	-------------------

tujuan mengawasi pematuhan terhadap had dalaman dan had pengawalseliaan;

- (b) Mampu untuk mengesan dan merekod sebarang pindaan maklumat yang disenggara di dalam sistem; dan
- (c) Merekod butiran transaksi dan menjana laporan mengenai jumlah dan nilai transaksi perniagaan bagi tujuan mengenalpasti, memantau dan melaporkan transaksi yang mencurigakan.

Semua pemegang lesen yang masih menggunakan sistem penyimpanan rekod secara manual adalah dikehendaki untuk mengambil langkah-langkah bagi mewujudkan sistem pengurusan maklumat untuk menyokong operasi perniagaan mereka menjelang akhir Mac 2013.

#### **7.4.5 Kawalan terhadap akses maklumat dan rekod penting pemegang lesen**

Pemegang lesen perlu mewujudkan sistem kawalan yang mencukupi untuk melindungi maklumat dan rekod penting yang disenggara di dalam sistem, bagi menghalang akses oleh pihak yang tidak berkenaan atau rekod dipinda tanpa sebarang kebenaran. Ini termasuk sekurang-kurangnya perkara-perkara berikut:

- (a) Menghadkan akses sistem hanya kepada kakitangan yang berkenaan sahaja bagi memastikan mereka bertanggungjawab ke atas fungsi yang telah diberi oleh pemegang lesen. Contohnya, kawalan perlu diwujudkan supaya kakitangan hanya dibenarkan akses kepada sistem untuk menjalankan tugas masing-masing, seperti memasukkan maklumat perniagaan ke dalam sistem, meluluskan suatu transaksi, menyenggara dan menjana data serta menjalankan tugas penyimpanan data (*data back-up*);

BNM/RH/GL 022-3	Jabatan Pengawasan Perniagaan Perkhidmatan Wang	Garis Panduan bagi Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman untuk Perniagaan Perkhidmatan Wang	Mukasurat 10/16
--------------------	---	---	--------------------

- (b) Kawalan ke atas pengurusan ID pengguna (*user ID*) yang mana setiap ID pengguna (*user ID*) adalah unik dan kata laluan tidak dikongsi di antara kakitangan; dan
- (c) Pemegang lesen tidak boleh membenarkan vendor sistem untuk mempunyai akses penuh kepada sistemnya, meskipun vendor sistem tersebut telah ditugaskan untuk membangun/menaik taraf sistem tersebut. Setiap akses kepada sistem “*live*” pemegang lesen oleh vendor sistem harus ditadbir dan dibenarkan oleh kakitangan pemegang lesen.

#### **7.4.6 Mewujudkan suatu sistem sekat dan imbalan (*checks and balances*) yang mencukupi oleh pemegang lesen**

Pemegang lesen hendaklah mewujudkan pengasingan tugas dan fungsi kakitangan untuk fungsi operasi yang kritikal, termasuk pengendalian tunai atau pengurusan dan penyimpanan rekod, bagi mencegah kemungkinan salahlaku pengurusan atau penipuan. Pemegang lesen perlu mewujudkan dwi kawalan (*dual controls*) bagi memastikan kakitangan yang bertanggungjawab untuk melaksanakan transaksi perniagaan dan penyimpanan rekod tunai serta stok mata wang tidak sepatutnya merupakan kakitangan yang sama untuk penjagaan tunai dan pengurusan stok mata wang.

#### **7.4.7 Tahap kecekapan kakitangan yang mencukupi**

Pemegang lesen hendaklah memastikan kakitangan yang dilantik adalah cekap dan terlatih untuk menjalankan tugas mereka bagi memastikan perniagaan dijalankan secara professional dan mematuhi keperluan pengawalseliaan yang relevan serta keperluan AML/CFT dalam menjalankan aktiviti perniagaan perkhidmatan wang. Sekurang-kurangnya, pemegang lesen hendaklah mengambil langkah-langkah berikut:

- (a) Menjalankan pemeriksaan latar belakang dan menilai keupayaan kakitangan baru yang menjalankan fungsi penting, bagi memastikan mereka mempunyai integriti dan pengetahuan serta

BNM/RH/GL 022-3	Jabatan Pengawasan Perniagaan Perkhidmatan Wang	Garis Panduan bagi Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman untuk Perniagaan Perkhidmatan Wang	Mukasurat 11/16
--------------------	---	---	--------------------

pengalaman yang diperlukan dalam melaksanakan peranan mereka. Pemegang lesen juga hendaklah memastikan ia mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan tenaga kerja dan imigresen yang terpakai;

- (b) Menyediakan latihan yang mencukupi untuk kakitangan mengenai:
  - (i) operasi perniagaan perkhidmatan wang, termasuk pemahaman terhadap dasar dalaman dan prosedur operasi pemegang lesen seperti pengendalian tunai, khidmat pelanggan, pengesanan penipuan; dan
  - (ii) pematuhan terhadap keperluan pengawalseliaan di bawah Akta dan keperluan AML/CFT serta undang-undang dan peraturan-peraturan lain yang terpakai.
- (c) Memantau prestasi dan pematuhan kakitangan dengan rapi bagi memastikan mereka memahami dan mengaplikasikan pengetahuan yang diperolehi dalam melaksanakan fungsi dan peranan masing-masing.

#### 7.4.8 Mewujudkan fungsi penyemakan yang bebas (*independent review*)

Tanggungjawab utama Ketua Pegawai Eksekutif adalah bagi memastikan operasi pemegang lesen mematuhi sepenuhnya keperluan undang-undang dan pengawalseliaan yang terpakai, dan risiko-risiko perniagaan diuruskan secara berkesan. Walau bagaimanapun, pihak Lembaga Pengarah pemegang lesen, di mana sesuai, mesti berupaya untuk mendapatkan penilaian bebas (*independent assurance*) bahawa operasi pemegang lesen mematuhi dasar-dasar dalamannya, termasuk keberkesanan pengurusan risiko dan sistem kawalan, serta pematuhan terhadap keperluan pengawalseliaan yang terpakai. Bagi tujuan ini:

BNM/RH/GL 022-3	Jabatan Pengawasan Perniagaan Perkhidmatan Wang	Garis Panduan bagi Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman untuk Perniagaan Perkhidmatan Wang	Mukasurat 12/16
--------------------	---	---	--------------------

- (a) Lembaga Pengarah hendaklah memastikan penyemakan yang kerap dijalankan bagi menyediakan penilaian bebas kepada pihak Lembaga Pengarah mengenai perkara-perkara berikut:
- (i) Pematuhan terhadap dasar dalaman pemegang lesen dan keperluan undang-undang dan pengawalseliaan lain yang terpakai;
  - (ii) Kualiti kawalan termasuk kecukupan dan keberkesanan pengurusan risiko, kawalan dalaman dan proses tadbir urus;
  - (iii) Reliabiliti, integriti dan kesinambungan sistem pengurusan maklumat;
  - (iv) Reliabiliti termasuk integriti, tahap komprehensif dan ketepatan masa untuk laporan kewangan, maklumat pengurusan dan rekod perakaunan; dan
  - (v) Keberkesanan proses untuk memaklumkan kepada pihak Lembaga Pengarah secepat mungkin mengenai sebarang pelanggaran peraturan dan kelemahan utama yang berkaitan dengan operasi, kawalan dan pematuhan pemegang lesen.

- (b) Pemegang lesen yang mempunyai pejabat cawangan dan ejen adalah dikehendaki melantik kakitangan tertentu untuk menjalankan fungsi audit dalaman dan pematuhan yang melapor terus kepada pihak Lembaga Pengarah. Pemegang lesen hendaklah memastikan kakitangan adalah mencukupi dan bertanggungjawab untuk melaksanakan fungsi audit dalaman dan pematuhan bagi menjalankan penyemakan yang kerap ke atas pejabat-pejabat perniagaan pemegang lesen yang lain (pejabat cawangan dan ejen).

**7.5** Pemegang lesen juga dikehendaki untuk mewujudkan kawalan dan langkah-langkah kontigensi seperti yang dinyatakan di perenggan 7.6 untuk menangani **risiko gangguan sistem dan bencana alam yang mengakibatkan kegagalan operasi, gangguan perniagaan dan kehilangan rekod transaksi.**

BNM/RH/GL 022-3	Jabatan Pengawalan Perniagaan Perkhidmatan Wang	Garis Panduan bagi Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman untuk Perniagaan Perkhidmatan Wang	Mukasurat 13/16
--------------------	---	---	--------------------

7.6 Pemegang lesen hendaklah mewujudkan suatu pelan kesinambungan perniagaan (*business continuity plan*) yang mantap untuk memastikan kesinambungan fungsi perniagaan yang kritikal dan penyimpanan maklumat penting berkaitan dengan perniagaan pemegang lesen. Pelan kesinambungan perniagaan hendaklah termasuk ciri-ciri berikut:

7.6.1 Prosedur-prosedur untuk penyimpanan data (*data back up*) berkenaan maklumat pelanggan dan transaksi perniagaan, bagi memastikan tiada kehilangan maklumat dan maklumat tersebut boleh diperolehi sekiranya berlaku kegagalan sistem atau bencana alam;

7.6.2 Maklumat yang jelas mengenai tindakan dan prosedur yang perlu dilakukan oleh kakitangan untuk bertindak sekiranya berlaku kegagalan sistem dan operasi, bagi memastikan operasi perniagaan dapat diteruskan dalam masa singkat. Sebagai contoh, pelan kesinambungan perniagaan perlu menetapkan prosedur yang perlu diikuti oleh kakitangan dalam menjalankan dan merekod transaksi sekiranya berlaku kegagalan sistem, yang mana boleh termasuk penolakan transaksi yang dikategorikan sebagai berisiko tinggi oleh pemegang lesen berdasarkan tanda amaran (*red flag*) yang telah diwujudkan bagi tujuan pematuhan AML/CFT;

7.6.3 Arahan-arahan yang jelas bagi memastikan semua maklumat transaksi yang dijalankan semasa tempoh gangguan sistem telah direkodkan dan dengan segera dimasukkan ke dalam sistem dengan betul, apabila sistem kembali pulih sepenuhnya; dan

7.6.4 Untuk pemegang lesen yang menjalankan perkhidmatan pengiriman wang yang menggunakan sistem pihak ketiga atau ejen koresponden, pemegang lesen hendaklah menjalankan penilaian yang sewajarnya untuk memastikan sistem pihak ketiga tersebut dapat menyediakan akses secara berterusan dengan tanpa gangguan kepada semua transaksi pengiriman wang yang dilaksanakan oleh pemegang lesen.

BNM/RH/GL 022-3	Jabatan Pengawalan Perniagaan Perkhidmatan Wang	Garis Panduan bagi Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman untuk Perniagaan Perkhidmatan Wang	Mukasurat 14/16
--------------------	---	---	--------------------

7.7 Perenggan 7.8 menyatakan langkah-langkah untuk menangani **risiko-*risiko* yang berkaitan dengan kegagalan pemegang lesen untuk menunaikan transaksi yang dilakukan dengan atau bagi pihak pelanggan akibat kegagalan (*non-performance*) pembekal matawang, ejen koresponden atau pembekal sistem pihak ketiga, sama ada disebabkan kegagalan dalam menunaikan janji (*default*) atau sebab-sebab lain.**

7.8 Pemegang lesen hendaklah sekurang-kurangnya mematuhi perkara-perkara berikut:

7.8.1 Mewujudkan pertimbangan atau kriteria utama untuk membuat penilaian terhadap rakan niaga (pembekal mata wang, ejen koresponden atau pembekal sistem pihak ketiga) sebelum menjalin hubungan perniagaan. Ini termasuklah pertimbangan terhadap keupayaan kewangan, trek rekod perniagaan dan pematuhan serta proses-proses yang dipraktikkan oleh bakal rakan niaga, bagi memastikan mereka mampu memenuhi kewajipan perniagaannya. Pemegang lesen yang menjalankan perniagaan pengiriman wang hendaklah memastikan ejen koresponden dan pembekal sistem pihak ketiga yang dilantik mematuhi sepenuhnya keperluan-keperluan seperti yang masing-masing dinyatakan di perenggan 12.4 dan 12.5 berkenaan Keperluan Penggunaan Sistem Pengiriman Wang Pihak Ketiga dan Jalinan Kerjasama dan Pengaturan dengan Ejen Koresponden di bawah Garis Panduan Keperluan Tadbir Urus dan Operasi dalam Menjalankan Aktiviti Perniagaan Perkhidmatan Wang yang dikeluarkan pada 15 Oktober 2012; dan

7.8.2 Mewujudkan perkiraan alternatif yang mencukupi untuk memperoleh bekalan mata wang bagi menangani risiko-*risiko* akibat daripada sebarang gangguan terhadap bekalan mata wang utama yang diniagakan.

BNM/RH/GL 022-3	Jabatan Pengawalan Perniagaan Perkhidmatan Wang	Garis Panduan bagi Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman untuk Perniagaan Perkhidmatan Wang	Mukasurat 15/16
--------------------	---	---	--------------------

- 7.9 Pemegang lesen hendaklah memasang alat pengesan wang palsu di setiap pejabat perniagaan bagi **mengesan wang palsu supaya tidak digunakan untuk pertukaran.**
- 7.10 Pemegang lesen adalah digalakkan untuk mewujudkan sistem keselamatan yang mencukupi, termasuk pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di lokasi-lokasi strategik dalam pejabat perniagaan **sebagai suatu langkah pencegahan terhadap risiko kecederaan fizikal dan kerugian kewangan kepada pelanggan.**

BNM/RH/GL 022-3	Jabatan Pengawalan Perniagaan Perkhidmatan Wang	Garis Panduan bagi Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman untuk Perniagaan Perkhidmatan Wang	Mukasurat 16/16
--------------------	---	---	--------------------

## LAMPIRAN

## Lampiran I



**BANK NEGARA MALAYSIA**  
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

### Pelantikan Juruaudit

**Nama pemegang lesen** :

**No. pendaftaran perniagaan** :

**Jenis perniagaan perkhidmatan wang** :

<b>Nama juruaudit (syarikat)</b>	
<b>Alamat</b>	
<b>Orang untuk dihubungi/rakan kongsi</b>	
<b>No. telefon (pejabat)</b>	
<b>No. telefon (telefon bimbit)</b>	
<b>No. faks</b>	
<b>Alamat emel</b>	

### Perakuan oleh Pengarah

Saya, \_\_\_\_\_ (nama pengarah), nombor kad pengenalan/pasport \_\_\_\_\_ sebagai seorang Pengarah mengakui bahawa juruaudit di atas telah dilantik dengan kebenaran daripada pihak Lembaga Pengarah di mana keperluan-keperluan seperti yang dinyatakan di perenggan 7.4.2 di bawah "Garis Panduan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman untuk Menjalankan Perniagaan Perkhidmatan Wang" telah dipenuhi oleh juruaudit tersebut.

**Tandatangan** :

**Nama** :

**Tarikh** :

**Cop pemegang lesen** :

Borang ini hendaklah dikemukakan ke alamat berikut:

**Pengarah**  
**Jabatan Pengawalan Perniagaan Perkhidmatan Wang**  
**Bank Negara Malaysia**  
**Jalan Dato' Onn**  
**50480 Kuala Lumpur**